




JABATAN KETUA MENTERI MELAKA


POLISI SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH

MS ISO 37001:2016 ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS (ABMS)

Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM) komited untuk mempraktikkan tadbir urus terbaik melalui pengurusan risiko rasuah secara terancang demi memberikan perkhidmatan yang cekap dan berintegriti kepada semua anggota kerja dan aktiviti organisasi dan perhubungannya dengan pihak-pihak berkepentingan melalui :

1. Melaksanakan kod etika mengenai larangan rasuah bagi memastikan segala ruang dan peluang, penyelewengan dan salah guna kuasa dapat ditangani dengan cekap dan berkesan;
2. Menegakkan semua undang-undang yang berkaitan bertepatan dan selaras dengan peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan lain-lain akta yang berkaitan;
3. Memastikan ianya bersesuaian dengan hala tuju visi dan misi Kerajaan Negeri iaitu Menuju Negeri Lestari berdasarkan *Enabler* dan Slogan Negeri Melaka;
4. Mewujudkan proses yang boleh mengenal pasti, menganalisa, mencegah dan melaksana bagi mencapai objektif Sistem Pengurusan Anti Rasuah;

- 
5. Melaksanakan polisi dan prosedur bagi mencegah, memantau dan menghapuskan sebarang bentuk rasuah dan melaksanakan penambahbaikan berterusan melalui Sistem Pengurusan Anti Rasuah yang melibatkan semua pihak berikut :
- i. Semua Jabatan / Agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka ; dan
 - ii. Semua rakan niaga termasuk pembekal, kontraktor dan vendor
6. Menyediakan saluran serta laporan berkenaan aktiviti berunsur rasuah menerusi Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat;
7. Memastikan kawalan serta penambahbaikan *ABMS* dijalankan secara strategik dan berterusan;
8. Memastikan agar Unit Integriti, JKMM bertindak secara berkecuali dan bertanggungjawab mengawal selia isu-isu integriti dan rasuah;
9. Mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas mana-mana warga JKMM yang didapati tidak mematuhi Polisi Anti Rasuah yang berkaitan.



DATUK SERI DR. HASIM BIN HASAN
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

Tarikh: 28 Jun 2021